
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

PGM 363 - PENGELOLAAN DAN PENYELIAAN SEKOLAH

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA 3** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Jika calon menjawab lebih daripada **EMPAT (4)** soalan, hanya **EMPAT (4)** soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Sekolah merupakan organisasi pendidikan yang mempunyai ciri-ciri tertentu.
 - a) Jelaskan ciri-ciri organisasi sekolah. (10 markah)
 - b) Huraikan maksud Teori Sekolah sebagai sebuah Sistem Sosial. (15 markah)
2. Penempatan pelajar ke sekolah-sekolah terpilih sering menimbulkan masalah kepada Pegawai Pelajaran Daerah (PPD).
 - a) Jelaskan **LIMA (5)** masalah yang sering dihadapi oleh PPD dalam urusan penempatan pelajar. (10 markah)
 - b) Bincangkan implikasi positif dan negatif sistem penempatan pelajar yang diamalkan pada hari ini. (15 markah)
3. Kurikulum ditakrifkan sebagai segala rancangan yang dikehendaki oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran bagi mencapai matlamat pendidikan (Laporan Kabinet, 1979).
 - a) Huraikan **TIGA (3)** peranan pengetua sebagai pemimpin kurikulum dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai. (15 markah)
 - b) Bincangkan halangan-halangan yang dihadapi oleh pengetua dalam melaksanakan tugas sebagai pemimpin kurikulum. (10 markah)

4. Sasaran Kerja Tahunan (SKT) merupakan satu proses kerja yang penting bagi guru dalam melaksanakan tugasannya harian mereka.
 - a) Jelaskan maksud SKT. (5 markah)
 - b) Bincangkan proses penilaian kualiti kerja guru berdasarkan penggunaan SKT. (20 markah)
5. Penilaian dan peperiksaan merupakan salah satu aspek penting dalam sistem pendidikan di Malaysia.
 - a) Jelaskan tujuan penilaian dan peperiksaan dalam sistem pendidikan di Malaysia. (10 markah)
 - b) Mampukah peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, dan SPM melahirkan insan yang seimbang mengikut gagasan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)?
Berikan penilaian anda dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai. (15 markah)